



SIARAN MEDIA

ISTIADAT PEMAKAIAN TANDA PANGKAT KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PUTRAJAYA, 9 Januari 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyempurnakan Majlis Istiadat Pemakaian Tanda Pangkat Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bertempat di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Putrajaya. Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan pegawai-pegawai kanan JBPM.

YAS Dato' Ts. Nor Hisham bin Mohammad telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Ke-9 berkuatkuasa mulai pada 8 Januari 2023. Beliau juga sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Operasi) dan juga pernah memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Pembangunan) sebelumnya. Pelantikan ini secara rasmi menggantikan YBhg. Dato' Sri Abdul Wahab bin Hj. Mat Yasin yang telah bersara wajib berkuatkuasa 31 Disember 2023.

YAS Dato' Ts. Nor Hisham dilahirkan pada 12 Oktober 1972 di Panchor, Perak Darul Ridzuan. Beliau telah mendapat pendidikan awal dan menengah di Negeri Pahang Darul Makmur seterusnya melanjutkan pengajian dan menerima Ijazah Sarjana Muda Pengajian Alam Sekitar di Universiti Malaya pada tahun 1996. Kemudian, pada tahun 2002 pula, beliau telah memperolehi *Business And Technology Education Council (BTEC) Higher National Diploma In Fire Command And Management Studies, University Of Central Lancashire, United Kingdom*. Beliau seterusnya menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) di Universiti Teknologi MARA pada tahun 2016.

Perjalanan karier beliau dalam perkhidmatan awam di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bermula pada 16 Mei 1997 sebagai Penguasa Bomba Gred KB41 di Bahagian Keselamatan Kebakaran Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah JBPM, beliau juga pernah memegang beberapa jawatan penting dalam JBPM. Antara jawatan yang pernah disandang beliau termasuklah Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat (2020-2023), Pengarah JBPM Negeri Pahang (2018-2020), Pengarah JBPM Negeri Sarawak (2011-2018) dan Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah (2009 - 2011).

YAS Dato' Ts. Nor Hisham juga pernah mengetuai beberapa operasi kebakaran dan penyelamatan berskala besar antaranya sebagai Komander Kanan Operasi SAR Helikopter Terhempas di Sebuyau, Sarawak pada 5 Mei 2016 dan Pengarah Operasi *National Emergency Management Committee* (NEMC), Banjir/Bah Besar yang melanda Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan pada 17 Disember 2021.

Seluruh warga KPKT mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan YAS Dato' Ts. Nor Hisham bin Mohammad sebagai Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan akan memberi sepenuh kerjasama kepada YAS Dato' Ts. Nor Hisham dalam membawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ke arah kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan yang unggul kepada rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

